

20 FEB 2003

MAHATHIR-MINYAK/I

M'SIA BOLEH UNTUNG AS\$54 JUTA JIKA HARGA MINYAK NAIK SATU DOLAR

Oleh: Mohd Nasir Yusof

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Malaysia, pengeksport bersih minyak mentah, boleh meraih keuntungan berjumlah AS\$54 juta jika harga minyak mentah meningkat hanya sebanyak AS\$1, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya harga minyak boleh meningkat kepada kira-kira AS\$50 setong jika Iraq diserang dan kemudian kalah dalam perang.

"Saya percaya harga minyak boleh meningkat kepada kira-kira AS\$50 kerana jika Amerika Syarikat menyerang Iraq dan Iraq pula kalah, kemungkinannya ialah mereka akan membakar semua medan minyak seperti apa yang mereka lakukan di Kuwait," katanya.

Dengan demikian, wujud kekurangan bekalan, katanya pada satu sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini.

"Pastilah mereka tidak boleh dapatkan minyak dari Iraq dan ini bererti mereka terpaksa bergantung kepada minyak dari Arab Saudi dan negara lain. Kekurangan bekalan akan wujud dan harga akan meningkat," katanya ketika menjawab satu soalan mengenai harga minyak.

Harga minyak telah mencecah tahap tertinggi dalam tempoh 29 bulan berikutan kebimbangan tentang kemungkinan AS menyerang Iraq yang kaya dengan minyak itu.

Dr Mahathir berkata, jika berlaku kenaikan harga minyak, Malaysia bernasib baik kerana ia juga ada minyak.

"Dan jika harga naik sebanyak AS\$1, kita untung sebanyak AS\$54 juta. Naik satu dolar sahaja, kita untung AS\$54 juta," tegasnya.

Malaysia mengeluarkan purata 700,000 tong minyak sehari.

Petroleum mentah adalah komoditi eksport ketiga terbesar Malaysia selepas komponen elektrik dan elektronik serta minyak sawit. Ia menyumbang pendapatan berjumlah RM11.6 bilion tahun lalu daripada RM11.2 bilion pada tahun 2001.

Dr Mahathir berkata, sebaliknya, negara seperti Jepun yang sememangnya amat kaya, akan terjejas teruk memandangkan bahawa ia merupakan pengimport bersih minyak mentah.

"Kenaikan harga minyak sebanyak satu dolar sahaja akan menyebabkan Jepun kerugian AS\$3 bilion. Jadi, bagi mereka, ia lebih daripada AS\$3 bilion," katanya.

Kata beliau, negara-negara lain lebih malang lagi kerana "bukan sahaja negara-negara itu tidak kaya, malah juga tidak ada minyak."

"Jadi, kita (Malaysia), harus bersyukur kerana sekurang-kurangnya kita ada sedikit minyak," tegas beliau. -- BERNAMA

MNY MR KY AHM